

KELAS KEMAHIRAN TARANNUM AL-QURAN SEBAGAI PEMANGKIN NILAI TAMBAH PEMBANGUNAN KOMPETENSI HOLISTIK: KAJIAN KES TERHADAP PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN ISLAM (DPI), ACIS UiTM SHAH ALAM

QURANIC TARANNUM SKILLS CLASS AS A VALUE-ADDED CATALYST FOR HOLISTIC COMPETENCY DEVELOPMENT: A CASE STUDY OF DIPLOMA IN ISLAMIC EDUCATION STUDENTS, ACIS UiTM SHAH ALAM

Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah^{1*}

Mohd Asmadi Yakob²

Mohd Ridhwan Remly³

Mahfuzah Mohammed Zabidi⁴

Siti Raudah Abdul Karim⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: fadylawaty4935@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: asmadi716@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: ridhwan@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

(E-mail: sitiraudah@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 9-7-2025

Revised date : 10-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 10-9-2025

To cite this document:

Syed Abdullah, S. F., Yakob, M. A., Remly, M. R., Mohammed Zabidi, M., & Abdul Karim, S. R. (2025). Kelas kemahiran tarannum al-Quran sebagai pemangkin nilai tambah pembangunan kompetensi holistik: Kajian kes terhadap pelajar diploma pendidikan Islam (DPI), ACIS UiTM Shah Alam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 491 – 508.

Abstrak: Pendidikan Islam kontemporari menuntut pelajar bukan sahaja menguasai kandungan kurikulum, tetapi juga memiliki kemahiran nilai tambah yang memperkukuh kompetensi akademik, spiritual, dan profesional. Sehubungan itu, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam melalui Modul BANGKIT memperkenalkan Kelas

Kemahiran Tarannum al-Quran sebagai inisiatif pembangunan holistik bagi pelajar Diploma Pendidikan Islam (DPI). Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes melibatkan enam siri kelas dengan penyertaan 30 orang pelajar. Data dikumpul melalui laporan pelaksanaan, pemerhatian sistematik, dan refleksi bertulis, kemudian dianalisis secara tematik. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam penguasaan maqāmāt, kawalan vokal, teknik pernafasan, intonasi, keyakinan diri, disiplin, adab bersama guru, serta kemahiran komunikasi dan dakwah bil-lahn. Integrasi elemen nasyid dan platform digital turut meningkatkan motivasi serta kreativiti pelajar. Secara keseluruhan, Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran terbukti sebagai pemangkin nilai tambah signifikan dalam pembangunan kompetensi holistik bakal guru Pendidikan Islam. Implikasi kajian menegaskan keperluan menginstitusikan program seumpama ini sebagai komponen teras pendidikan guru bagi melahirkan generasi pendidik kompeten, beretika, beradab, dan berjiwa murabbi.

Kata Kunci: *Kompetensi nilai tambah, pendidikan Islam, pembangunan pelajar, tarannum al-Quran, UiTM*

Abstract: *Contemporary Islamic education requires students not only to master curricular content but also to acquire value-added skills that strengthen their academic, spiritual, and professional competencies. In response, the Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, through the BANGKIT Module, introduced the Tarannum al-Quran Skills Class as a holistic development initiative for Diploma in Islamic Education (DPI) students. This qualitative case study involved six sessions attended by 30 students. Data were collected through implementation reports, systematic observations, and written reflections, and were analyzed thematically. The findings reveal significant improvements in students' mastery of maqāmāt, vocal control, breathing techniques, intonation, self-confidence, discipline, etiquette with teachers, as well as communication and da'wah bil-lahn skills. The integration of nasyid and digital platforms also proved effective in enhancing motivation and creativity. Overall, the Tarannum al-Quran Skills Class has been shown to be a significant value-added catalyst for the holistic competency development of future Islamic education teachers. The study highlights the need to institutionalize such programs as a core component of teacher education in order to produce educators who are competent, ethical, well-mannered, and spiritually grounded as murabbī.*

Keywords: *Islamic education, student development, Quranic tarannum, UiTM, value-added competencies*

Pengenalan

Pendidikan abad ke-21 menuntut pembangunan holistik pelajar Islam yang merangkumi dimensi intelektual, spiritual, emosi, dan digital. Dalam kerangka *Society 5.0*, pendidikan Islam perlu mensinergikan nilai agama dengan teknologi agar kekal relevan dan adaptif (Manan, 2023). Seiring dengan itu, *Education 5.0* menekankan inovasi berpusatkan pelajar melalui teknologi baharu, di samping memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kreativiti selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) yang menuntut pendidikan berkualiti, inklusif, dan sepanjang hayat (Tariq, 2025).

Namun, pendidikan Islam kontemporari berdepan cabaran signifikan akibat marginalisasi elemen tradisi seperti tarannum dalam kurikulum formal. Fokus yang berlebihan terhadap kandungan kognitif menyebabkan dimensi rohani, estetika, dan penghayatan semakin

terpinggir (El-Mubarak & Hassan, 2021). Beberapa sarjana menegaskan perlunya pendekatan pedagogi holistik yang menyepadukan nilai sufistik, estetika, dan teknologi agar pendidikan Islam terus relevan serta mampu melahirkan insan seimbang (Moslimany, Otaibi, & Shaikh, 2024). Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang penyelidikan mengenai bagaimana tarannum boleh diarusperdanakan sebagai instrumen nilai tambah dalam pendidikan Islam moden.

Kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pelaksanaan Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran sebagai instrumen pedagogi yang berpotensi menggabungkan dimensi teknikal, spiritual, dan teknologi. Menurut Saili, Taat, & Japilan (2025), walaupun pendekatan holistik terbukti menyokong pembangunan pelajar secara seimbang, namun kajian terdahulu didapati masih banyak menumpukan kepada integrasi teknologi berbanding analisis kritis terhadap tarannum sebagai instrumen nilai tambah. Justeru, kajian ini bertujuan menilai peranan Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran anjuran ACIS UiTM Shah Alam melalui Modul BANGKIT sebagai pemangkin nilai tambah dalam pembangunan kompetensi pelajar Diploma Pendidikan Islam (DPI) dengan penekanan kepada aspek estetika bacaan, disiplin, adab, keyakinan, kreativiti, dan potensi dakwah *bil-lahn* (berlagu/ berirama).

Sorotan Literatur

Sorotan literatur artikel ini disusun secara tematik kepada lima subtopik utama yang berkait langsung dengan objektif kajian, iaitu: (i) pendidikan Islam kontemporari dan cabaran nilai tambah, (ii) konsep nilai tambah dalam pendidikan, (iii) kepentingan dan potensi tarannum al-Quran, (iv) hubungannya dengan kompetensi guru, dan (v) trend global Education 5.0 serta SDG 4 yang menekankan transformasi pendidikan holistik dan inklusif.

Konsep Asas Tarannum Al-Quran

Konsep asas tarannum dalam tradisi Islam merangkumi dimensi linguistik, estetik, spiritual, dan pedagogi yang saling berhubungan. Dari sudut linguistik, tarannum merujuk kepada memperindah suara, memanjangkan bacaan, dan mengulang suara dengan irama tertentu. Istilah seperti *ranam* (gema suara), *naghm* (melodi), *ghinā'* (nyanyian), dan *taṭrīb* (pengindahan suara) semuanya menekankan pengolahan vokal sebagai medium penghayatan (al-Zabīdī, 2003; Ibn al-Ṣā'igh, 2003; Ibn Hishām, n.d.; Ibn al-Athīr, 1979). Hakikat ini menunjukkan bahawa tarannum berfungsi bukan sahaja sebagai seni suara, tetapi sebagai wahana pembentukan disiplin, adab, dan spiritualiti yang mendalam. Ibn al-Qayyim (1994/2021) menegaskan bahawa pengindahan suara yang lahir secara fitrah dibenarkan dalam tilawah, manakala penggunaan *maqāmāt mūsīqiyyah* yang berakar daripada tradisi muzik teknikal ditolak kerana bertentangan dengan ruh syariah. Justeru, tarannum alami yang tidak berlebihan diiktiraf sebagai pendekatan pedagogi Islami yang memperkukuh jiwa murabbi dan adab penuntut ilmu ('Arafah ibn Ṭanṭāwī, 2021).

Dalam konteks syair Arab klasik, tarannum dikaitkan dengan memanjangkan suara mengikut *ḥarakāt* huruf akhir *qafiyah*, sekali gus memberi kesan estetik dan emosional pada pendengar (al-Fāriḍī, 2018). Dalam bacaan al-Quran, ia diangkat sebagai *dakwah bil-lahn*, iaitu penyampaian wahyu dengan suara indah yang mampu menyentuh hati dan emosi, meningkatkan keyakinan serta keberkesanan komunikasi (Saad & Mohamad, 2021; Nafisah et al., 2024). Walau bagaimanapun, masih berlaku salah tanggapan yang menyamakan tarannum dengan *maqāmāt mūsīqiyyah*. Hakikatnya, *maqāmāt* ialah sistem melodi teknikal dalam muzik Arab-Persia-Turki, manakala tarannum menekankan keaslian suara serta pengindahan bacaan semula jadi yang berlandaskan adab Qur'ani (Majmū'a min al-mu'allifin, 1998). Perbezaan ini

perlu diperjelas agar tarannum diposisikan sebagai instrumen pendidikan Islam, bukannya semata-mata bentuk hiburan.

Asas tarannum turut melibatkan konsep *ṭawābiq*, iaitu lapisan atau tahap bacaan yang berkembang daripada pengulangan suara asas (*ḥarakāt*) kepada variasi kompleks dalam *maqāmāt Qurʾāniyyah*. Ia menzahirkan sifat tarannum yang dinamik, di mana intonasi dan lenggok bacaan disesuaikan dengan suasana, ayat, dan konteks tilawah (ʿUmar, 2008a; ʿUmar, 2008b). Istilah-istilah penting lain seperti *lahn* yang bermaksud lagu atau irama, *taṭrīb* yang merujuk kepada pengindahan suara dengan modulasi dan pemanjangan, serta *tartīl* yang menekankan bacaan perlahan penuh penghayatan menunjukkan bahawa tarannum merupakan sintesis antara teknikal vokal, penghayatan makna, dan disiplin rohani. Dengan itu, tarannum tidak hanya dipelajari sebagai kemahiran seni suara, tetapi sebagai medium refleksi sendiri, pembinaan sahsiah, dan pendekatan dakwah.

Secara keseluruhannya, konsep asas tarannum menegaskan bahawa ia bukan ilmu sampingan, tetapi instrumen nilai tambah strategik yang menghubungkan tradisi, spiritualiti, pedagogi, dan teknologi. Penerapan istilah seperti *ḥarakāt*, *maqāmāt*, *lahn*, *ṭawābiq*, *taṭrīb*, dan *tartīl* memperlihatkan bahawa tarannum membina kompetensi holistik yang merangkumi aspek akademik, rohani, dan sosial. Justeru, penetapan semula tarannum dalam kerangka pendidikan Islam kontemporari amat penting, selaras dengan gagasan *Education 5.0* dan aspirasi SDG 4 yang menekankan pendidikan berkualiti, inklusif, serta bersepadu antara ilmu, seni, dan nilai. Istilah-istilah asas tarannum diringkaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Definisi Istilah-istilah Asas Tarannum

Istilah	Definisi	Peranan dalam Tarannum	Rujukan
<i>Ḥarakāt</i>	Pergerakan vokal huruf (<i>fathah</i> , <i>kasrah</i> , <i>dhammah</i>) yang mempengaruhi irama bacaan.	Menjadi asas pengolahan suara dan keseimbangan dalam bacaan bertarannum.	Ibn al-Ṣā'igh (2003)
<i>Maqāmāt</i>	Sistem melodi Arab (<i>Bayyātī</i> , <i>Hijāz</i> , <i>Nahāwand</i> , dll) yang berstruktur daripada <i>ajnas</i> (<i>triad</i> , <i>tetrachord</i> , <i>pentachord</i>).	Memberi variasi nada dan irama bacaan, namun mesti dipisahkan daripada muzik fasik.	Majmū'ah min al-mu'allifin (1998)
<i>Lahn</i>	Lagu atau irama dalam bacaan yang menekankan pengulangan suara.	Menjadi instrumen <i>dakwah bil-lahn</i> , menyentuh emosi pendengar.	Ibn al-Athīr (1979)
<i>Ṭawābiq</i>	Lapisan atau tingkatan bacaan bertarannum.	Menunjukkan tahap kemahiran bacaan; dari asas ke variasi kompleks.	ʿUmar (2008a, 2008b)
<i>Taṭrīb</i>	Pengindahan suara dengan memanjangkan dan memodulasi bacaan.	Meningkatkan estetika, memberi kesan rohani, dan menghidupkan bacaan.	Ibn Hishām (n.d.)
<i>Tartīl</i>	Bacaan beransur, perlahan, dengan penghayatan makna.	Asas syar'ī bacaan al-Quran, yang diperkaya dengan tarannum tanpa melampaui batas.	Ibn al-Qayyim (1994/2021)

Pendidikan Islam Kontemporari: Cabaran dan Keperluan Nilai Tambah

Pendidikan Islam kontemporari berdepan cabaran besar akibat arus globalisasi, digitalisasi, dan tuntutan kemahiran abad ke-21. Tanpa reformasi kurikulum yang menyeluruh, pendidikan Islam berisiko kehilangan relevansi serta gagal melahirkan graduan yang seimbang dari segi kompetensi duniawi dan ukhrawi (El-Mubarak & Hassan, 2021; Amrullah & Zuhriyah, 2025). Malah, dominasi pendekatan kognitif yang mengabaikan aspek afektif dan spiritual telah dikritik kerana melemahkan fungsi pendidikan Islam sebagai wahana pembinaan insan kamil (Zahraini, Hamzah, & Mahmud, 2025).

Dalam konteks ini, nilai tambah yang merangkumi kekuatan rohani, akhlak, komunikasi, dan kepimpinan muncul sebagai pembeza utama pendidikan Islam daripada sistem pendidikan umum (Kusnanto, Sukristyanto, & Rochim, 2023). Walaupun dasar pendidikan Islam di Malaysia menekankan integrasi sains dengan Islam serta pemeraksanaan profesionalisme guru, cabaran mengekalkan identiti Islam agar tidak larut dalam acuan sekular tetap menjadi isu yang kritikal dan berterusan (Helmiati, 2025).

Lebih signifikan, warisan tarannum al-Quran yang sekian lama dipinggirkan berpotensi menjadi pemangkin nilai tambah strategik. Tarannum bukan sekadar seni suara, tetapi instrumen pembinaan estetika, disiplin, adab, kreativiti, dan dakwah (Awang, Ismail, & Yusof, 2025). Pengabaian terhadap dimensi ini boleh menjejaskan usaha melahirkan pendidik Islam berjiwa murabbi yang beradab dan berakhlak. Oleh itu, penetapan semula tarannum dalam kerangka *Education 5.0* dan aspirasi SDG 4 merupakan suatu keperluan strategik bagi memperkayakan kompetensi holistik pelajar serta memperkukuh identiti pendidikan Islam sebagai wahana pembinaan insan.

Konsep Nilai Tambah dalam Pendidikan

Nilai tambah dalam pendidikan merujuk kepada keupayaan sistem melampaui pencapaian akademik dengan membangunkan kompetensi holistik seperti kreativiti, kepimpinan, dan nilai moral (Che Ahmat, Bashir, Razali, & Kasolang, 2021). Dalam konteks pendidikan Islam, konsep ini diperluaskan kepada dimensi intelektual, spiritual, sahsiah, dan literasi teknologi agar selari dengan aspirasi abad ke-21 (Zaidi, 2023). Pengintegrasian nilai Islam secara strategik terbukti bukan sahaja memperkukuh kefahaman agama, tetapi juga meningkatkan daya tahan moral serta kecerdasan sosial pelajar (Warsah, Morganna, Warsah, & Warsah, 2024).

Namun, realiti semasa menunjukkan bahawa banyak inisiatif nilai tambah masih cenderung menekankan aspek kebolehpasaran teknikal, sementara dimensi rohani dan afektif terus terpinggir. Kecenderungan ini menimbulkan risiko lahirnya graduan yang cerdas secara intelektual tetapi rapuh identiti spiritual dan sahsiahnya (Khoir, Hamzah, & Zuhdi, 2024). Dalam kerangka *Education 5.0*, nilai tambah perlu difahami sebagai integrasi inovasi teknologi dengan pemeliharaan spiritual dan kemanusiaan, bukan sekadar aplikasi teknikal semata-mata (Yaumi, 2025). Malah, Mufid (2025) menegaskan bahawa guru Pendidikan Islam memerlukan literasi digital yang tinggi bukan hanya untuk menyampaikan kandungan, tetapi juga untuk menyemai nilai melalui medium teknologi.

Oleh itu, nilai tambah wajar diposisikan sebagai tunjang strategik pendidikan Islam yang menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) dengan menekankan pendidikan berkualiti, inklusif, dan bersepadu.

Tarannum al-Quran: Kepentingan, Potensi Pendidikan dan Hubungan dengan Kompetensi Guru

Tarannum al-Quran merupakan warisan intelektual dan seni Islam yang bukan sahaja memperindah bacaan, tetapi juga memperdalam penghayatan makna serta membentuk adab, disiplin, dan kekuatan spiritual melalui tradisi madrasah, masjid, dan halaqah (Hasbullah, Azmi, Yusoff, & Fabil, 2022; Jamil & Kadir, 2021). Dalam konteks pendidikan moden, tarannum perlu ditanggapi sebagai instrumen nilai tambah strategik yang menyokong pembinaan sahsiah, penguasaan komunikasi, dan pembentukan identiti Muslim beradab.

Kajian terkini membuktikan bahawa inovasi digital seperti Tarannum-SLA berupaya meningkatkan penguasaan *maqamat* serta memupuk kreativiti pelajar melalui integrasi seni dan teknologi (Awang, Yusoff, Hassan, & Rahman, 2025). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dalam kurikulum formal masih terhad dan memerlukan strategi pengarusperdanaan agar seiring dengan aspirasi Education 5.0 dan Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) (Kamarudin & Abdul Razak, 2023). Dapatan lain turut mengesahkan bahawa tarannum berperanan meningkatkan keyakinan pelajar dalam komunikasi awam (Saad & Mohamad, 2021), di samping berfungsi sebagai dakwah *bil-lahn* yang mampu menyentuh emosi dan hati pendengar (Nafisah, Auliya, & Muafi, 2024).

Lebih signifikan, tarannum juga berkait rapat dengan pembinaan kompetensi guru. Dari aspek pedagogi, ia memperkayakan pendekatan pengajaran dengan elemen kreativiti dan estetika (Mohamad, Razak, & Baharudin, 2022). Dari sudut sahsiah, ia melatih disiplin, ketekunan, serta kawalan emosi pelajar (Ariffin, Kamaruzaman, Mustaffa, & Abdullah, 2023; Ab Rahman, Sheh Yusuff, Balagem, & Ramli, 2020). Tarannum turut menyatukan dimensi seni, rohani, dan intelektual secara harmoni, sekali gus menjadi asas pembinaan karakter pendidik (Zakaria, Mahmad, & Rahman, 2018). Dari perspektif kerohanian, ia memperdalam penghayatan terhadap al-Quran, membentuk jiwa *murabbi*, serta meletakkan guru sebagai pembimbing spiritual yang autentik (Kamarudin & Abdul Razak, 2023; Helmiati, 2025). Manakala dari dimensi dakwah, tarannum berfungsi meningkatkan keberkesanan komunikasi Islam melalui bacaan berlagu yang indah, menyentuh, dan berkesan (Awang et al., 2025; Daud & Abdullah, 2022).

Trend Global: Education 5.0 dan SDG 4 (Quality Education)


Pendidikan global kini bergerak daripada paradigma tradisional kepada pendekatan kreatif, berpusatkan pelajar, dan didorong teknologi. *Education 5.0* menekankan integrasi kecerdasan buatan, analitik data, dan realiti maya bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih adaptif dan bersifat peribadi (Tumiran, Baharuddin, & Mohammad, 2025). Pendidikan Islam tidak terkecuali daripada arus perubahan ini, dan tarannum berpotensi menjadi jambatan yang menyepadukan kecanggihan teknologi dengan kekuatan spiritual, sekali gus mengekalkan keseimbangan antara inovasi moden dan akar tradisi.

Selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4) yang menuntut pendidikan berkualiti, inklusif, dan bersepadu tarannum boleh berfungsi sebagai instrumen nilai tambah yang memperkukuh intelektual, kreativiti, dan penghayatan rohani pelajar (Judijanto, 2025). Namun, kelemahan semasa sistem pendidikan yang lebih menekankan aspek akses dan infrastruktur berbanding dimensi nilai, etika, dan kerohanian menimbulkan cabaran kritikal. Hal ini menuntut pendekatan hibrid yang bukan sahaja mengintegrasikan teknologi tetapi juga memastikan kelestarian identiti budaya dan prinsip syariah (Juhairiah, Yuwono, & Kinasih, 2024).

Dalam kerangka ini, tarannum digital wajar dilihat bukan sekadar sebagai inovasi teknikal, tetapi sebagai model pendidikan bersepadu yang mengekalkan warisan Islam di samping memenuhi ciri utama *Education 5.0* iaitu inovasi, personalisasi, dan kesejahteraan pelajar.

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 memperlihatkan hubungan antara *Education 5.0* dan SDG 4 sebagai landasan konseptual yang menuntut pendidikan Islam bersepadu, berkualiti, dan inklusif. Tarannum al-Quran diposisikan sebagai instrumen nilai tambah yang menghubungkan tradisi Islam dengan inovasi teknologi, seterusnya menyumbang kepada pembangunan kompetensi holistik pelajar. Empat dimensi utama yang digarap melalui kelas tarannum ialah (i) pedagogi dan akademik, (ii) sahsiah dan spiritual, (iii) komunikasi dan dakwah, serta (iv) kreativiti dan teknologi. Dimensi-dimensi ini secara sinergi menyokong pembentukan bakal guru Islam yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak, reflektif, berdaya kreatif, dan berjiwa dakwah.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes kerana fokus diberikan kepada pengalaman pembelajaran dan penghayatan pelajar Diploma Pendidikan Islam (DPI) yang terlibat dalam Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran di bawah Modul BANGKIT, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Kesemua data telah diperoleh daripada dokumen rasmi pelaksanaan program, pemerhatian kelas, dan refleksi peserta. Proses kajian dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan pemilihan peserta, pengumpulan data, analisis tematik, dan akhirnya pelaporan dapatan.

Reka Bentuk Kajian


Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes. Pemilihan reka bentuk ini telah dipengaruhi oleh objektif kajian yang ingin meneliti secara mendalam peranan Kelas Tarannum al-Quran sebagai instrumen nilai tambah dalam pembangunan kompetensi pelajar. Kaedah kualitatif membolehkan data yang bersifat naratif dan deskriptif diperoleh secara holistik, di mana penekanan telah diberikan kepada pengalaman, persepsi, dan penghayatan pelajar terhadap pengisian kelas tarannum.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar Diploma Pendidikan Islam (DPI) ACIS UiTM Shah Alam yang telah menyertai enam siri Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran sepanjang semester. Pemilihan sampel telah dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana pelajar-pelajar ini merupakan kumpulan sasaran utama bagi penilaian keberkesanan modul. Jumlah sampel dianggap mencukupi untuk memberi gambaran mendalam kerana kajian kes kualitatif lebih menekankan kedalaman data berbanding keluasan responden.

Kaedah Pengumpulan Data


Tiga kaedah utama telah digunakan dalam pengumpulan data. Pertama, dokumen rasmi pelaksanaan program telah dianalisis bagi mendapatkan maklumat mengenai struktur, kandungan, dan objektif setiap siri kelas. Kedua, pemerhatian kelas telah dilakukan untuk menilai interaksi antara fasilitator dan pelajar, kaedah pengajaran, serta penglibatan pelajar dalam latihan praktikal tarannum. Ketiga, refleksi bertulis daripada peserta telah dianalisis bagi memahami pengalaman individu, tahap penguasaan *maqamat*, serta nilai tambah yang diperoleh.



Rajah 2: Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah Analisis Data

Data kualitatif yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis telah melibatkan beberapa peringkat. Pertama, data telah dibaca dan ditranskriarkan dengan teliti. Kedua, kod awal telah dibangunkan berdasarkan tema berkaitan kompetensi pelajar iaitu akademik, sahsiah, kerohanian, komunikasi, dan kreativiti. Ketiga, kod-kod ini telah dikategorikan kepada tema utama yang mewakili dimensi nilai tambah kelas tarannum. Akhir sekali, tema telah ditafsirkan dalam bentuk naratif bagi mencapai objektif kajian.



Rajah 3: Kaedah Analisis Data

Batasan Kajian

Beberapa batasan telah dikenal pasti dalam kajian ini. Pertama, kajian ini hanya melibatkan satu kumpulan sampel di UiTM Shah Alam, maka generalisasi dapatan kepada konteks lain adalah terhad. Kedua, kajian ini bersifat kualitatif yang bergantung kepada refleksi dan pemerhatian, oleh itu ia mungkin terdedah kepada unsur subjektiviti. Ketiga, tempoh enam siri kelas dianggap singkat untuk menilai kesan jangka panjang tarannum terhadap pembangunan kompetensi pelajar. Walau bagaimanapun, keterbatasan ini tidak menjejaskan objektif utama kerana fokus kajian adalah untuk memahami pengalaman pelajar dalam konteks spesifik.

Dapatan Kajian

Seksyen ini akan membentangkan dapatan berasaskan dua subtopik utama iaitu i) Pengisian Kelas Tarannum Al-Quran Diploma Pendidikan Islam, ACIS (Siri 1–6), dan ii) Nilai Tambah yang Diperoleh Pelajar sebagaimana berikut:

Pengisian Kelas Tarannum Al-Quran Diploma Pendidikan Islam, ACIS (Siri 1–6)

Pelaksanaan enam siri Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran memperlihatkan perkembangan pedagogi yang sistematik dengan impak berbeza pada setiap peringkat pembelajaran. Analisis dapatan turut disokong bukti visual yang mendokumentasikan suasana kelas, aktiviti, dan interaksi peserta. Visual ini berfungsi bukan sekadar rekod, tetapi juga menegaskan tahap keterlibatan pelajar serta keberkesanan strategi pengajaran, bermula daripada penguasaan asas *maqam* hingga kepada penggunaan rakaman digital bacaan.

Siri pertama berperanan sebagai asas konseptual dengan memperkenalkan nada, rentak, dan irama bacaan al-Quran, di samping wacana sejarah tarannum serta pandangan fuqaha' terhadap kedudukannya. Pendekatan ini meluruskan persepsi sempit bahawa tarannum sekadar seni suara, sebaliknya menampilkan legitimasi syar'i dan nilai pedagogi. Pendedahan kepada istilah teknikal seperti *harakat* dan *qit'ah*, disertai demonstrasi fasilitator, menjadikan teori lebih mudah difahami dan segera diaplikasikan oleh peserta.

Reka bentuk kelas yang santai tetapi berfokus mewujudkan suasana interaktif berasaskan soal jawab, latihan praktikal, dan percubaan bacaan. Had penyertaan seramai 30 orang pula membolehkan bimbingan bersifat personal, sekaligus meningkatkan penglibatan menyeluruh serta keyakinan pelajar dalam penguasaan awal tarannum.



Rajah 4: Siri 1- Pengenalan Asas Tarannum, Sejarah Dan Hukum Penggunaannya

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Siri kedua memberi penekanan kepada dimensi praktikal dengan pendedahan peserta kepada beberapa tarannum utama seperti *Bayyati*, *Husaini*, *Soba*, *Hijaz*, dan *Rast*. Penerangan disusun mengikut *harakat* tertentu untuk memudahkan pemahaman struktur suara, lenggok, dan alunan bacaan al-Quran. Ujian vokal turut dijalankan bagi mengenal pasti julat suara sebelum peserta mengikuti latihan intensif *Bayyati* sebagai fokus utama siri ini.

Pendekatan pengajaran diperkaya dengan integrasi seni moden melalui nyanyian Arab dan nasyid popular, seperti karya Maher Zain. Strategi ini terbukti dekat dengan budaya pelajar, sekaligus menjadikan pembelajaran lebih interaktif, menyeronokkan, dan bermakna. Analisis menunjukkan kaedah ini berkesan memperkukuh kawalan vokal, meningkatkan keyakinan, serta memberi ruang kepada kreativiti ekspresi dalam bacaan berlagu.

Walau bagaimanapun, pemerhatian mendapati wujud jurang penguasaan antara peserta berbakat secara semula jadi dengan mereka yang masih menyesuaikan teknik bacaan. Situasi ini menegaskan keperluan pedagogi bersifat pembezaan yang fleksibel dan adaptif, agar keberkesanan pengajaran dapat dicapai secara inklusif.




Rajah 5: Siri 2- Latihan Vokal Bayyati Bersama Integrasi Elemen Nasyid

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Siri ketiga menandakan peralihan kepada pembelajaran atas talian dengan fokus pada pengukuhan *Bayyati* dan pengenalan maqam *Nahawand*. Latihan ulangan *Bayyati* membantu pelajar memperkukuh kawalan vokal dan konsistensi struktur *harakat*, manakala pengenalan *Nahawand* disampaikan secara bertahap melalui panduan audio-visual. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan penguasaan teknikal, tetapi turut meningkatkan literasi digital pelajar dalam konteks pembelajaran al-Quran.

Walaupun pendekatan maya kurang memberi pengalaman spiritual mendalam berbanding interaksi bersemuka, dapatan menunjukkan pelajar kekal aktif melalui percubaan bacaan dan interaksi dengan fasilitator. Situasi ini menegaskan keperluan model hibrid yang menggabungkan kekuatan teknologi dengan pengalaman langsung, bagi memastikan keseimbangan antara keberkesanan teknikal dan penghayatan rohani tercapai secara optimum.



Rajah 6: Siri 3- Sesi Pembelajaran Atas Talian

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Siri keempat menekankan latihan praktikal dengan kombinasi maqam *Hijaz*, *Bayyati*, dan *Nahawand*. Latihan ini menguji keupayaan pelajar menggabungkan *maqamat* secara kritis, sekaligus merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dalam seni bacaan al-Quran. Kehadiran penuh peserta dengan mushaf al-Quran mencerminkan komitmen serius, manakala bimbingan langsung fasilitator membolehkan pembetulan segera yang lebih berkesan.

Pembelajaran interaktif memberi peluang kepada pelajar berlatih secara individu dan berkumpulan, memperbetulkan kesilapan, serta membina keyakinan dalam transisi antara *maqam*. Walaupun sebahagian peserta masih berdepan cabaran kestabilan suara, dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam kawalan vokal, ketepatan lenggok, dan kreativiti persembahan. Keseluruhannya, siri ini membuktikan keberkesanan latihan praktikal berstruktur dalam memperkukuh kemahiran teknikal dan konsistensi bacaan.



Rajah 7: Siri 4- Aktiviti Praktikal Gabungan *Maqam Hijaz*, *Bayyati* dan *Nahawand*

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Siri kelima memberi penekanan kepada penguasaan *Jiharkah* yang digabungkan dengan *Bayyati* sebagai penutup. Sesi dimulakan dengan semakan *Hijaz* melalui latihan *Jawabul Jawab*, yang membantu peserta memperhalusi melodi, kawalan vokal, dan irama. Pendekatan ini memperkukuh pemahaman teknikal serta keupayaan menyesuaikan bacaan dengan struktur *maqam*.

Peserta kemudiannya diperkenalkan kepada variasi *Jiharkah* dan *Bayyati Penutup* melalui bimbingan fasilitator yang menekankan struktur harakat, turun naik nada, dan lenggok bacaan. Latihan bergilir dengan teguran segera membolehkan peserta memperbaiki kelemahan dalam suasana yang terbuka dan menyokong.

Sesi turut diperkaya dengan pendedahan kepada bacaan qari/qariah peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekaligus menanam budaya penanda aras serta refleksi sendiri. Namun, kecenderungan sebahagian peserta meniru gaya qari tertentu tanpa memahami keaslian *maqam* dikesan berpotensi mengehadkan kreativiti dan keaslian bacaan.



Rajah 8: Siri 5- Bimbingan Rujukan Qari dan Qariah Terkenal

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Siri keenam (terakhir) memperkenalkan tarannum *Sikah* yang menuntut kawalan vokal stabil, lenggok tepat, dan penghayatan mendalam. Peserta dibimbing melalui panduan fasilitator dan latihan praktikal termasuk selingan *wuslah Rast* serta variasi *ikhtilal*, yang membuka ruang eksperimen nada dan melodi serta memperkukuh kepekaan teknikal dan keaslian ekspresi.

Sebagai penutup, variasi *Bayyati* disemak semula bagi menilai keupayaan pelajar mengintegrasikan corak tarannum secara *tartil* dan beradab. Latihan rakaman digital

diperkenalkan sebagai medium refleksi sendiri dan integrasi teknologi, selaras dengan aspirasi *Education 5.0*. Walaupun terdapat keterbatasan teknikal, siri ini berjaya memperkukuh bacaan, merangsang kreativiti, dan meneguhkan keterikatan pelajar dengan keindahan *Kalamullah*.



Rajah 9: Siri 6- Semakan Bacaan Variasi Bayyati

Sumber: Laporan BANGKIT 2025

Nilai Tambah yang Diperoleh Pelajar

Analisis tematik terhadap enam siri Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran mengenal pasti empat dimensi nilai tambah utama. Pertama, akademik dan pedagogi menunjukkan peningkatan teknik bacaan, kefahaman struktur *harakat*, serta kawalan vokal yang sistematik. Keupayaan ini bukan sahaja mempertingkatkan mutu bacaan al-Quran, tetapi turut menyediakan asas pedagogi formal yang boleh diaplikasi dalam bilik darjah.

Kedua, spiritual dan sahsiah terserlah melalui disiplin, adab, dan komitmen konsisten pelajar. Amalan ini membuktikan tarannum sebagai wahana pembinaan rohani yang mengukuhkan identiti Islamiah berakhlak dan seimbang.

Ketiga, komunikasi dan dakwah muncul sebagai dapatan signifikan. Latihan kawalan suara dan keyakinan tampil di khalayak membentuk kemahiran komunikasi berkesan. Tarannum berfungsi sebagai dakwah *bil-lahn*, menyampaikan mesej al-Quran dengan keindahan suara yang menyentuh emosi dan meningkatkan kredibiliti pelajar sebagai bakal murabbi.

Keempat, kreativiti dan teknologi diperkaya melalui integrasi seni moden seperti nasyid dan penggunaan rakaman digital. Elemen ini bukan sahaja merangsang minat dan refleksi sendiri, tetapi juga membuktikan kesesuaian tarannum dengan inovasi teknologi, sejajar aspirasi *Education 5.0*.

Secara keseluruhan, perkembangan bertahap daripada *Bayyati* hingga *Jiharkah* dan *Sikah* memperkayakan teknikal serta estetika bacaan, membina sahsiah dan refleksi rohani pelajar. Walaupun jurang penguasaan kekal sebagai cabaran, dapatan ini menegaskan potensi tarannum diarusperdanakan dalam pendidikan Islam sebagai medium pedagogi bersepadu yang menghubungkan ilmu, seni, teknologi, dan spiritual. Justeru, ia berperanan strategik sebagai pemangkin kompetensi holistik pelajar DPI, khususnya dalam melahirkan pendidik berilmu, beradab, dan berjiwa seni.

Jadual 2: Analisis Tematik Dimensi dan Elemen Utama Nilai Tambah Diperoleh Pelajar

Dimensi	Elemen Utama
Akademik & Pedagogi	- Penguasaan teknik bacaan - Struktur harakat - Lenggok suara - Asas pedagogi Islam
Spiritual & Sahsiah	- Disiplin - Adab terhadap guru - Penghayatan al-Quran
Komunikasi & Dakwah	- Identiti Islamiah - Kawalan suara - Keyakinan tampil khalayak - Variasi irama
Kreativiti & Teknologi	- Dakwah <i>bil-lahn</i> - Integrasi nasyid - Penggunaan platform digital - Rakaman bacaan - Refleksi sendiri

Perbincangan

Dapatan kajian ini menegaskan bahawa tarannum al-Quran merupakan instrumen nilai tambah yang bersifat strategik dalam pendidikan Islam. Dari sudut konsep asas, tarannum bukan sahaja merujuk kepada seni suara atau lenggok bacaan semata-mata, tetapi merangkumi dimensi linguistik, estetik, spiritual dan pedagogi. Istilah asas seperti *ḥarakāt*, *maqāmāt*, *lahn*, *ṭawābiq*, *taṭrīb* dan *tartīl* memperlihatkan bahawa tarannum ialah sintesis antara aspek teknikal vokal dan penghayatan rohani yang menuntut disiplin, adab serta refleksi sendiri (al-Zabīdī, 2003; Ibn al-Qayyim, 1994/2021). Dengan asas konseptual ini, tarannum wajar ditempatkan semula sebagai pendekatan pendidikan Islam yang bukan sahaja memperindah bacaan, tetapi juga membina kompetensi holistik pelajar.

Pengisian enam siri Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran memperlihatkan perkembangan bertahap yang menyokong transformasi pedagogi. Siri awal menekankan pengenalan *maqam* asas seperti *Bayyātī* dengan fokus pada penguasaan *ḥarakāt*, seterusnya siri pertengahan mengembangkan variasi seperti *Hijāz*, *Nahāwand* dan *Jiharkah* yang melatih kawalan suara serta kreativiti ekspresi. Siri akhir memperkenalkan *Sikah* serta rakaman digital yang bukan sahaja mengasah ketepatan teknikal, tetapi meningkatkan literasi teknologi dan refleksi sendiri pelajar. Struktur berlapis ini selari dengan kerangka pembelajaran UNESCO (2021) iaitu belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar untuk hidup bersama dan belajar untuk menjadi (*learning to know, learning to do, learning to live together, and learning to be*). Justeru, enam siri ini membuktikan bahawa tarannum boleh dijadikan model pedagogi progresif yang menggabungkan warisan tradisi dengan inovasi kontemporari.

Nilai tambah tarannum paling ketara apabila dikaitkan dengan pembangunan sahsiah, kerohanian dan dakwah. Dari perspektif sahsiah, tarannum melatih disiplin, adab terhadap guru, kawalan emosi dan keyakinan diri. Dari sudut kerohanian, ia memperdalam penghayatan Kalamullah, membentuk jiwa murabbi yang mendidik bukan sahaja dengan ilmu, tetapi dengan teladan rohani. Sementara itu, dari aspek dakwah, tarannum berfungsi sebagai dakwah *bil-lahn* yang menyentuh emosi dan meningkatkan keberkesanan komunikasi Islam (Saad & Mohamad, 2021; Zainuddin, Hasanah, & Rahman, 2025). Nilai tambah ini menjadikan tarannum bukan

sekadar seni suara sampingan, tetapi wahana pendidikan bersepadu yang menyumbang kepada pembangunan kompetensi guru dan pelajar Islam.

Walaupun dapatan ini positif, beberapa cabaran turut dikenal pasti. Jurang penguasaan antara pelajar berbakat dengan pelajar asas menuntut pendekatan pedagogi pembezaan dan strategi sokongan berlapis agar pembelajaran lebih inklusif. Fatimah (2024) menegaskan integrasi teknologi tidak boleh dilaksanakan secara seragam, sementara Amin dan Nor (2022) membuktikan model hibrid meningkatkan keberkesanan pembelajaran tetapi memerlukan bimbingan intensif bagi pelajar kurang berdaya saing. Implikasi ini memperlihatkan keperluan kurikulum tarannum masa hadapan untuk dirangka dengan kaedah fleksibel dan responsif.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa tarannum al-Quran harus direposisi sebagai komponen teras pendidikan Islam kontemporari. Dari segi teori, ia mengisi jurang penyelidikan yang sebelum ini cenderung teknikal. Dari segi praktikal, ia memberi asas kepada institusi pendidikan untuk mengarusperdanakan tarannum sebagai elemen formal dalam latihan guru, membina pedagogi kreatif dan identiti rohani. Dari segi dasar, ia menyediakan justifikasi kepada penggubal polisi agar menjadikan tarannum sebagai agenda nasional pendidikan Islam yang menyokong aspirasi Education 5.0 dan Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4). Dengan menggabungkan tradisi, teknologi dan spiritualiti, tarannum berupaya melahirkan generasi pendidik Islam yang berilmu, beradab, reflektif dan berjiwa dakwah.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini menegaskan bahawa Kelas Kemahiran Tarannum al-Quran berfungsi sebagai medium nilai tambah yang holistik dalam pendidikan Islam. Pelaksanaan enam siri memperlihatkan perkembangan bertahap daripada penguasaan asas *maqamat* kepada integrasi variasi kompleks dan penggunaan teknologi digital. Pelajar bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal, tetapi juga diasah dalam aspek sahsiah, kerohanian, komunikasi, kreativiti dan literasi teknologi. Dapatan ini menolak tanggapan bahawa tarannum hanyalah seni sampingan, sebaliknya mengesahkan potensinya sebagai instrumen strategik dalam kerangka *Education 5.0* dan pencapaian SDG 4.

Walau bagaimanapun, beberapa batasan turut dikenal pasti. Antaranya jurang penguasaan antara pelajar berbakat dan mereka yang masih di peringkat asas, serta kekangan kemahiran digital yang boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran. Hal ini menegaskan keperluan pedagogi adaptif serta integrasi teknologi yang berstruktur, selaras dengan sorotan literatur tentang kepentingan pendekatan hibrid dan bertahap dalam pendidikan Islam.

Sehubungan itu, tiga cadangan utama dikemukakan. Pertama, modul tarannum wajar diarusperdanakan sebagai komponen formal kurikulum pendidikan Islam di pelbagai peringkat termasuk latihan perguruan. Kedua, strategi pedagogi perlu dipelbagaikan melalui pendekatan pembezaan, bimbingan individu dan integrasi teknologi hibrid bagi menjamin keberkesanan inklusif. Ketiga, kerjasama strategik antara institusi pendidikan, pakar tarannum dan agensi dakwah perlu diperkukuh untuk membentuk ekosistem pembelajaran yang menyeluruh.

Secara keseluruhannya, kajian ini mengangkat tarannum al-Quran sebagai wahana strategik yang menyepadukan tradisi dan teknologi dalam pendidikan Islam. Dengan pendekatan ini, kelas tarannum berpotensi melahirkan generasi pendidik Islam yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, tetapi juga beradab, reflektif dan berjiwa dakwah.

Penghargaan

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, khususnya program Diploma Pendidikan Islam (DPI) di bawah Modul BANGKIT, *Centre of Quran and Hadith Research (CQHR)*, Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), Ittihad Excellence Society (IES) dan Saudara Muhammad Haziq Zulkifli (fasilitator) atas sokongan, bimbingan, dan dukungan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Ab Rahman, M. A. b., Sheh Yusuff, M. S. b., Balagem, A. O. S., & Ramli, S. b. (2020). Metodologi Dato' Nik Jaafar bin Nik Ismail dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia [Methodology of Dato' Nik Jaafar bin Nik Ismail in teaching tarannum al-Quran in Malaysia]. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(34), 83–94.
- al-Fāriḍī. (2018). *Sharḥ al-Fāraḍī 'alā Alfīyyat Ibn Mālik* (M. M. al-Khaṭīb Abū al-Kumayt, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amrullah, A. M. K., & Zuhriyah, I. A. (2025). The challenges of developing Islamic education curriculum and strategies for its development in facing future competency demands. *Tafkir: Interdisciplinary Journal of Islamic Education*, 6(1), 111–126. <https://doi.org/10.31538/tijie.v6i1.1316>
- 'Arafah ibn Ṭantāwī. (2021). Al-Itqān fī Ḍawābiṭ Tasjīl al-Qur'ān. *Majallah al-Buḥūth al-Islāmiyyah*, 71, 71–90.
- 'Arafah ibn Ṭantāwī. (2021). Al-Kawāshif al-Jalliyyah fī Ḥukm Qirā'at al-Qur'ān bi al-Maqāmāt al-Mūsīqiyyah. *Majallah al-Buḥūth al-Islāmiyyah*, 72, 1–34.
- Ariffin, A. J. C., Kamaruzaman, A. R., Mustaffa, M., & Abdullah, W. H. W. (2023). Analisis penelitian terhadap metode pengajaran dan pembelajaran tarannum Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud [Observational analysis of tarannum teaching and learning methods of Ustaz Haji Che Yahaya bin Daud]. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 7(1), 41–50. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.1.218>
- Awang, H., Zakaria, M. Z., Al-Mashhadani, A. F. S., Mustapha, R., Mohd Yaakob, M. F., Mohamed Yusof, A., ... Kasim, M. (2022). Tarannum Smart Learning Application: Embracing the beauty of tarannum through multimedia technology. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 11(3), 897–906. <https://doi.org/10.11591/ijere.v11i2.22388>
- Che Ahmat, N. H., Bashir, M. A. A., Razali, A. R., & Kasolang, S. (2021). Micro-credentials in higher education institutions: Challenges and opportunities. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 17(3), 281–290. <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i3.14597>
- Daud, M., & Abdullah, W. H. W. (2022). Keistimewaan tarannum Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl: Analisis kaedah lagu dan teknik suara [The privilege of tarannum Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl: An analysis of the rules of song and sound techniques]. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 1–19. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.1>
- El-Mubarak, A. M. O. I., & Hassan, I. (2021). Challenges of Islamic education in the era of globalization: A proposed holistic solution. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 337–349. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v10-i3/10748>
- Hasbullah, N. A., Azmi, A. S., Yusoff, A. M., & Fabil, N. (2022). Analisis unsur-unsur dan sifat-sifat indeks maqam tarannum menurut Buku Qawaid Tarannum dan Seni Lagu al-Quran di Malaysia [Analysis on the elements and characteristics of maqam tarannum index

- according to Buku Qawaid Tarannum dan Seni Lagu al-Quran di Malaysia]. *Ma 'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 18(2), 12–33. <https://doi.org/10.33102/jmqsv18i2.345>
- Helmiati. (2025). Malaysia's Islamic education policies in addressing the challenges of globalization. *Potensia: Jurnal Kependidikan Islam*, 11(1), 130–145. <https://doi.org/10.24014/potensia.v11i1.2025>
- Ibn al-Athīr, M. A. D. (1979). *Al-Nihāya fī gharīb al-athar* (T. A. al-Zāwī & M. M. al-Ṭanāhī, Eds.). Beirut: al-Maktabah al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Qayyim. (1994). *Zād al-Ma'ād fī Hadyi Khayr al-ʿIbād* (3rd ed.). Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn al-Ṣā'igh, Abū 'Abd Allāh. (2003). *Al-Lamḥa fī sharḥ al-Mulḥa* (I. b. S. al-Ṣā'idī, Ed.). al-Madīnah al-Munawwarah: 'Imādat al-Baḥth al-ʿIlmī, al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah.
- Ibn Hishām al-Anṣārī. (n.d.). *Awḍaḥ al-masālik ilā Alfīyyat Ibn Mālik* (Y. al-Shaykh M. al-Biqā'ī, Ed.). Dimashq: Dār al-Fikr.
- Jamil, A. I., & Kadir, F. A. A. (2021). Meneroka asas pemikiran hubungan guru-murid dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah [Exploring the foundation of the teacher-student relationship in Islamic educational institutions of the Abbasid era]. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 35–51. <https://doi.org/10.22452/jier.vol6no2021.3>
- Judijanto, L. (2024). Challenges and strategies in implementing inclusive education: A meta-analysis of global perspectives. *Indonesian Journal of Education (INJOE)*, 4(3), 991–1001.
- Juhairiah, S., Yuwono, D., & Kinasih, Q. Y. (2024). Digital transformation in Islamic education: Opportunities, challenges, and its impact on Islamic values. *Journal of Vocational Education and Educational Technology Innovations*, 1(1), 1–6. <https://doi.org/10.70074/jveti.v1i1.20>
- Kamarudin, N. H., & Abdul Razak, K. (2023). Pengajaran tarannum dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. *Ideology Journal*, 8(1), 1–12. <https://doi.org/10.24191/ideology.v8i1.424>
- Khoir, M. M., Hamzah, M., & Zuhdi, A. (2024). Korelasi ilmu dan amal dalam pendidikan Islam perspektif al-Ghazali dalam *Kitab Minhajul 'Abidin*. *Jurnal Intelek Insan Cendikia*, 1(5), 1309–1318.
- Kusnanto, N., Sukristyanto, A., & Rochim, A. I. (2023). Relevance of national education policies as an effort to improve the quality of Madrasah Tsanawiyah education services. *The Spirit of Society Journal: International Journal of Society Development and Engagement*, 6(2), 136–151.
- Majmū'a min al-mu'allifin. (1998). *Mūjaz Dā'irat al-Ma'ārif al-Islāmiyya*. Sharjah: Markaz al-Shāriqah li-al-Ibdā' al-Fikrī.
- Manan, A. (2023). Pendidikan Islam dan perkembangan teknologi: Menggagas harmoni dalam era digital. *Scholastica: Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 5(1), 56–73.
- Mohamad, N., Razak, K. A., & Baharudin, H. (2022). Amalan pengajaran tarannum dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca & Menghafaz al-Quran (KKQ). *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 8(1), 98–110.
- Moslimany, R., Otaibi, A., & Shaikh, F. (2024). Designing a holistic curriculum: Challenges and opportunities in Islamic education. *Journal on Islamic Studies*, 1(1), 52–73. <https://doi.org/10.35335/beztg009>
- Mufid, A. I., Aminah, S., & Hafid, M. A. (2025). Revitalizing the role of teachers in Islamic education learning amidst technological developments. *Journal of Contemporary Islamic Education*, 5(2), 96–108. <https://doi.org/10.25217/jcie.v5i2.6316>
- Nafisah, I., Auliya, M., & Muafi, H. (2024). Pemikiran dakwah Dr. KH Ahsin Sakho Muhammad, Lc MA. Al Hafizh. *Journal of Islamic Communication Studies*, 2(1), 12–19. <https://doi.org/10.15642/jicos.2024.2.1.12-19>

- Saad, M. F. M., & Mohamad, S. (2021). Penganjuran Majlis Menghafaz al-Quran peringkat kebangsaan di Malaysia: Requisition in organizing memorization competition to memorizer of Quran. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 8(2), 10–16.
- Saili, J., Taat, M. S., & Japilan, N. H. A. (2025). Impak pengalaman mengajar terhadap integrasi teknologi dalam pengajaran sirah dan tamadun Islam [The impact of teaching experience on technology integration in Islamic history and civilization instruction]. *Asian People Journal (APJ)*, 8(1), 68–82.
- Sani, K., Rashed, Z. N., Othman, N., & Ishak, H. (2021). Kompetensi pengetahuan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor [The knowledge competency of Islamic education teacher integrated religion primary school Selangor]. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.37231/mjis.2021.5.1.156>
- Tariq, M. U. (2025). AI-driven personalized learning: Revolutionizing student engagement and teacher efficiency in Education 5.0. In A. Author & B. Author (Eds.), *AI and emerging technologies for emergency response and smart cities* (pp. 75–96). Hershey, PA: IGI Global Scientific Publishing.
- Tumiran, M. A., Baharuddin, B. H., & Mohammad, N. (2025). Potensi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pendidikan di Malaysia: Analisis kandungan [The potential of artificial intelligence (AI) in the Malaysian education system: Content analysis]. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 237–250. <https://doi.org/10.55197/qjssh.v6i2.638>
- ‘Umar, A. M. (2008a). *Mu‘jam al-lughah al-‘Arabiyya al-mu‘āṣira*. Cairo: ‘Ālam al-Kutub.
- ‘Umar, A. M. (2008b). *Mu‘jam al-ṣawāb al-lughawī*. Cairo: ‘Ālam al-Kutub.
- Warsah, I., Morganna, R., Warsah, B. A. I., & Warsah, B. H. (2024). Self-efficacy and moral education in enhancing the moral development and social intelligence of Muslim adolescents. *Islamic Counseling*, 8(2), 123–150. <https://doi.org/10.29240/jbk.v8i2.10836>
- Yaumi, M. (2025). Ethical-spiritual dimensions of 21st-century education: Taming artificial intelligence with human intelligence. *Al-Musannif*, 7(1), 1–14. <https://doi.org/10.56324/al-musannif.v7i1.82>
- Zahraini, Z., Akib, A., Rosidin, R., & Sulaeman, O. (2025). Islamic education reform in the digital age: Challenges and opportunities for a modern curriculum. *Journal of Noesantara Islamic Studies*, 2(1), 1–11. <https://doi.org/10.70177/jnis.v2i1.1841>
- Zaidi, M. S. M., & Othman, M. K. (2023). Cabaran guru pengajaran Pendidikan Islam kurikulum standard sekolah menengah (KSSM). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 8(50), 508–521. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.850036>
- Zakaria, M. Z., Mahmad, M. A., & Rahman, M. N. A. (2018). Penerapan kemahiran insaniah (soft skills) dalam PdPc kursus tarannum Kelas Kemahiran al-Quran di sekolah menengah berdasarkan konsep penilaian CIPP. *Journal of Ma‘ālim al-Qur‘ān wa al-Sunnah*, 14(1), 76–84. <https://doi.org/10.33102/jmq.v14i1.118>
- Zakaria, Z., & Ismail, A. (2022). Personality traits of Muslim teachers: A brief overview. *Islamiyyat*, 44(2), 123–135. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-4402-09>